

# Graduan perlu kuasai bidang IT

ALOR STAR: Graduan Institut Agama Islam Kedah (Insaniah) diminta memperluaskan pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat (IT) bagi meningkatkan kemahiran selaras perubahan teknologi negara.

Ini memudahkan mereka bersaing di pasaran pekerjaan dan mampu memberikan kebaikan kepada diri sendiri.

Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, bertitah sektor pekerjaan sekarang memerlukan graduan yang memiliki kemahiran dalam bidang IT.

"Graduan Insaniah, terutama dalam bidang pengajian Islam perlu melengkapkan diri dengan kemahiran lain, terutama IT bagi membolehkan mereka bersaing dengan graduan lain bagi mendapatkan pe-

kerjaan.

"Beta menyokong usaha Insaniah untuk mendapatkan pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi semua diploma yang ditawarkan Insaniah," titinya.

Baginda bertitah demikian pada majlis Konvokesyen Insaniah Ke-5 di Dewan Seri Negeri, Wisma Darulaman, di sini semalam.

Sultan Kedah bertitah langkah itu amat baik demi kecemerlangan Insaniah untuk mencapai matlamat menjadi institusi pengajian Islam bertaraf dunia di rantau ini.

Oleh itu, baginda meminta pengurusan Insaniah supaya mempertingkatkan kerjasama dengan IPTA lain di negara ini bertujuan memajukan bidang pengajian yang ditawarkannya.